

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, February 12, 2020 8:58 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Teruja Sahut Cabaran Dalam Program Smart Trucker 2.0@PKT Logistics Group Sdn. Bhd



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

12 FEBRUARI 2020 / 18 JAMADILAKHIR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: CUIC

TERUJA SAHUT CABARAN DALAM PROGRAM SMART TRUCKER 2.0@PKT LOGISTICS GROUP SDN. BHD.



UUM ONLINE: Shah Alam – Seramai tujuh pelajar dalam sesi praktikum A192 teruja apabila terpilih menjalani *Structured Intership Programme* (SIP) yang dikenali sebagai Program 'Smart Trucker 2.0' di PKT Logistics Group Sdn. Bhd.

Program SIP ini merupakan program intensif selama 48 bulan yangmana pelajar boleh memilih sama ada diserapkan sebagai eksekutif kanan, bekerja sendiri sebagai usahawan trak atau terus bekerja sebagai *Smart Trucker*.

Pelajar program ini akan dibiayai penuh untuk mendapatkan lesen GDL dan satu lesen tambahan B atau E, di samping elaun asas sebanyak RM1,500 sebulan.

Lebih mengujakan, julung kalinya pada tahun ini seorang pelajar menjadi peserta perempuan pertama dari UUM yang menyahut cabaran dalam Program SIP: *Smart Trucker 2.0*.

Siti Nur Izzati Baser berkata, dia tidak gentar untuk menyahut cabaran menyertai program tersebut yang mana sebelum ini dimonopoli peserta lelaki.

“Minat untuk menceburi program SIP: *Smart Trucker 2.0* ini adalah bagi mencabar diri dalam profesion yang selama ini dikuasai oleh kaum lelaki, selain mampu meningkatkan taraf hidup keluarga serta menimba pengalaman dalam dunia logistik dan pengangkutan,” katanya pada Majlis Penyerahan Surat Tawaran Kepada Pelajar oleh PKT Logistics, baru-baru ini.

Seramai 11 orang pelajar UUM telah melapor diri untuk mengikuti program khas dan program latihan industri di PKT Logistics dan kehadiran mereka telah diraikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan PKT Logistics Group, Dato’ Michael Tio.

Lima daripadanya telah mula menjalani latihan industri dalam pelbagai bidang yang disediakan oleh pihak PKT Logistics bermula 10 Februari lalu.

Sementara itu, Pengarah Pusat Kerjasama Universiti-Industri (CUIC), Prof. Madya Dr. Marlin Marissa Malek berkata, pelajar yang menjalani praktikum di syarikat tersebut harus menunjukkan kesungguhan dalam tugas yang diberikan.

Menurutnya, peluang yang diberikan PKT Logistics kepada pelajar termasuk Program SIP ini perlu digunakan sepenuhnya sebagai persediaan menjadi bakal graduan UUM yang berintegriti dan berwibawa.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.